

**KUMPULAN MODAL
BUMIPUTERA YANG KETUJUJH**

**LAPORAN SETENGAH TAHUN
BERAKHIR
15 OGOS 2008**

**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD
(256439-D)
Tingkat Bawah, Wisma ASMB
No. 1A, Jalan Lumut
Peti Surat 10701
50722 Kuala Lumpur**

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Pengurus	ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD (256439-D)
Ibu Pejabat	Tingkat Bawah, Wisma ASMB, No. 1A, Jalan Lumut Peti Surat 10701, 50722 Kuala Lumpur Tel: (03) 4145-3800 Faks: (03) 4145-3901 / 4042-6511 E-mel: asmis@asmb.com.my Laman Web: www.asmb.com.my/uniTrust/corp_profile.htm
Pengarah- Pengarah Syarikat Pengurusan	YBhg. Datuk (Dr.) Zamani bin Md. Noor - Pengerusi YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed YBhg. Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul YBhg. Prof. Dr. Faridah bt Hj Hassan Encik Mansoor bin Ahmad Tuan Hj Mohamed Hisham bin Che Abdul Ghani * Encik Izaddeen bin Daud * (* Berkuatkuasa sehingga 27 Februari 2008) Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff - (Berkuatkuasa mulai 20 Mei 2008)
Ketua Pegawai Eksekutif	Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff - (Berkuatkuasa mulai 1 Mei 2008)
Setiausaha Syarikat	Puan Shahrizat bt Othman (MAICSA NO.0764744) Puan Zaharah bt Ibrahim (MAICSA NO. 7012004)
Jawatankuasa Pelaburan	YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed Encik Hassan bin Jaafar Encik Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah Encik Mansoor bin Ahmad Encik Izaddeen bin Daud - (Berkuatkuasa sehingga 29 Februari 2008)
Pemegang Amanah	Amanah Raya Berhad (344986-V) Tingkat 15, Wisma AmanahRaya No. 2, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Tel: (03) 2036-5000
Juruaudit	Ahmad Abdullah & Goh (AF-0381) Suite 701, Tingkat 7, Wisma Hangsam Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur Tel: (03) 2070-4408

No.	Kandungan	Muka Surat
1.	MAKLUMAT TABUNG	4
1.1	Profil Tabung	4
1.2	Kategori/Jenis Tabung	4
1.3	Saiz Tabung	4
1.4	Objektif Tabung	4
1.5	Tanda Aras Tabung	4
1.6	Dasar Pengagihan Tabung	4
1.7	Kedudukan Pegangan Unit	4
2.	PENCAPAIAN DANA	5 – 6
2.1	Komposisi Tabung	5
2.2	Prestasi IK KL	6
2.3	Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan	6
3.	LAPORAN PENGURUS	7 – 12
3.1	Analisa Prestasi Tabung	7
3.1.1	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Tanda Aras	7
3.2	Prestasi Kewangan Tabung	8
3.3	Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL	8
3.4	Jumlah Pulangan Bagi Setengah Tahun Berakhir 15 Ogos 2008	8
3.5	Polisi dan Strategi Pelaburan	9
3.6	Pengagihan Aset-Aset Tabung	9
3.7	Prestasi Instrumen Pelaburan	10
3.8	Suasana Bursa Saham Tempatan	10
3.9	Suasana Pasaran Wang	12
3.10	Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan	12
3.11	Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit	12
3.12	Rebet dan Komisen Tidak Langsung	12

No.	Kandungan	Muka Surat
4.	PERNYATAAN PENGURUS	13
5.	PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH	14
6.	PENYATA KEWANGAN	15 – 27
7.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	28 – 29
8.	MAKLUMAT TAMBAHAN	30
9.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	31 – 32
10.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	33
11.	PERTUKARAN ALAMAT	34

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 Profil Tabung

Tabung Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketujuh (KMB7) telah dilancarkan pada 28 Disember 1972 sebagai Kumpulan Modal Bumiputra Yang Ketujuh (Perolehan), khas untuk Bumiputera dan akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

1.2 Kategori/Jenis Tabung

Dana Ekuiti/Pertumbuhan dan Pendapatan.

1.3 Saiz Tabung (yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti)

20.0 juta unit.

1.4 Objektif Tabung

Objektif utama Tabung anda ialah untuk memberi peluang kepada pelabur-pelabur menikmati pulangan yang berpatutan secara berterusan dan mencapai pertumbuhan modal (jika ada) dalam tempoh sederhana hingga panjang.

1.5 Tanda Aras Tabung

Indeks Komposit Kuala Lumpur (IK KL).

1.6 Dasar Pengagihan Tabung

Pengagihan pendapatan (jika ada) akan diisytiharkan pada akhir setiap tahun kewangan bergantung kepada lebih pendapatan sepanjang tempoh kewangan.

1.7 Kedudukan Pegangan Unit Oleh Pemegang-Pemegang Unit Pada 15 Ogos 2008

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	2,459	94.79	2,222,224.56	46.11
5,001 - 10,000	85	3.28	586,402.06	12.17
10,001 - 50,000	43	1.66	765,628.76	15.88
50,001 - 500,000	6	0.23	582,545.94	12.09
500,001 dan ke atas	1	0.04	663,001.51	13.75
Jumlah	2,594	100.00	4,819,802.83	100.00

* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

2. PENCAPAIAN DANA

2.1 Komposisi Tabung

Sektor (%)	Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 15 Ogos		
	2008	2007	2006
Barangan Pengguna	-	3.2	4.4
Barangan Industri	11.2	14.6	17.5
Pembinaan	13.0	7.0	6.1
Dagangan & Perkhidmatan	18.3	19.3	35.6
Kewangan	12.4	8.2	3.0
Perladangan	12.1	10.4	13.4
Derivatif Tersiarharga	0.1	0.7	-
Sekuriti Pendapatan Tetap Tersiarharga	-	-	2.2
Instrumen Pasaran Wang/dll	32.9	36.6	17.8
Jumlah	100.0	100.0	100.0
Maklumat Prestasi			
Nilai Aset Bersih (NAB) (RM'000)	3,659	4,515	3,849
Unit Dalam Edaran ('000)	4,843	4,837	4,563
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	0.7555	0.9334	0.8436
<i>Nilai Aset Bersih Seunit:</i>			
<i>(Tertinggi: 16/02 – 15/08)</i> (RM)	1.0140	1.0245	0.9263
<i>(Terendah: 16/02 – 15/08)</i> (RM)	0.7523	0.8376	0.7993
Saiz Purata Tabung (RM'000)	3,997	4,732	3,780
Jumlah Perbelanjaan (RM'000)	40	44	40
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	0.99	0.92	1.05
Kos Purata Jualan & Belian (RM'000)	469	1,369	818
Pusing Ganti Portfolio (kali)	* 0.12	0.29	0.22

* Kadar PGP merosot sebanyak 58.6% berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh pegangan yang berterusan dalam stok-stok terpilih dari sektor-sektor barangan industri, kewangan, pembinaan dan perladangan yang memberi hasil dividen yang tinggi ekoran suasana pasaran saham yang sungguh tidak bermaya. Secara keseluruhan, strategi ini menjurus kepada PGP yang rendah. Dalam masa yang sama, saiz purata Tabung adalah kecil di mana strategi dagangan aktif (peratusan PGP yang tinggi) adalah tidak sesuai dan berisiko tinggi.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

Prestasi Tabung

		Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 15 Ogos				
		2008	2007	2006	2005	2004
Jumlah Pulangan						
- Pertumbuhan Modal (%)		(15.9)	22.3	(8.9)	(2.3)	8.6
- Pengagihan Pendapatan (%)		3.2	-	6.6	6.4	5.5
Jumlah Pulangan Tahunan (%)		(12.7)	22.3	(2.3)	4.1	14.1
Purata Pulangan Tahunan						
- Setahun (%)		(12.1)				
- Tiga Tahun (%)		0.6				
- Lima Tahun (%)		3.7				
		<i>Sumber: Lipper</i>				

2.2 Prestasi IK KL (Sumber: Bloomberg)

IK KL	1 Tahun	2 Tahun	3 Tahun
Kadar (Penurunan)/Peningkatan	(12.5%)	16.0%	18.0%

2.3 Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tempoh setengah tahun kewangan.

NOTA:

Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga Unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

Sila rujuk muka surat 28 - 29 bagi asas pengiraan.


3. LAPORAN PENGURUS

Bagi enam (6) bulan berakhir 15 Ogos 2008 (16 Februari 2008 hingga 15 Ogos 2008).

3.1 Analisa Prestasi Tabung

3.1.1 Bandingan Prestasi Tabung dengan Tanda Aras

Prestasi Tabung ini berbanding IK KL bagi jangkamasa kewangan berakhir 15 Ogos 2008 adalah seperti berikut:-



(Sumber: Bloomberg)

Graf perbandingan di atas menunjukkan prestasi setiap 6 bulan bagi KMB7 dibandingkan dengan IK KL sepanjang 5 tahun sejak dari Ogos 2003 sehingga Ogos 2008 yang jelas mempamerkan pergerakan jajaran langsung di antara KMB7 dan penanda aras IK KL. Peratusan IK KL telah mengatasi peratusan KMB7 di kebanyakan tempoh kajian tersebut, namun begitu peratusan KMB7 telah berjaya mengatasi peratusan IK KL pada 15 Ogos 2008. Prestasi KMB7 berada dalam keadaan negatif jika dibandingkan kepada peratusan positif IK KL pada penghujung tahun 2004, 2005 serta setengah tahun pertama 2006. Namun demikian, KMB7 telah berjaya memperbaiki prestasi dan mencapai peratusan prestasi yang lebih baik pada tahun-tahun berikutnya iaitu pada setengah tahun kedua 2006 dan 2007 walaupun ia kembali negatif dalam 6 bulan pertama 2008 tetapi prestasinya masih dapat mengatasi prestasi IK KL yang jatuh lebih ketara dalam tempoh berkenaan. Pengurus menjangkakan prestasi yang baik ini dapat diteruskan di masa akan datang dengan pengurusan dana yang lebih aktif, berhati-hati serta efektif.

3.2 Prestasi Kewangan Tabung

	Enam Bulan Berakhir 15/08/2008 (RM)	Enam Bulan Berakhir 15/08/2007 (RM)	% Perubahan
Dividen Kasar	69,762	59,910	16.4
Faedah	12,785	13,449	(4.9)
Keuntungan Dari Jualan Pelaburan	5,739	487,060	(98.8)
Jumlah Pendapatan	88,286	560,419	(84.2)
Tolak: Perbelanjaan & Cukai	56,428	58,223	(3.1)
Keuntungan Selepas Cukai	31,858	502,196	(93.7)

3.3 Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/IK KL

	15/08/2008	15/02/2008	% Perubahan
Unit Dalam Edaran	4,843,000	4,787,000	1.2
Nilai Aset Bersih (RM)	3,658,711	4,415,092	(17.1)
Nilai Aset Bersih/Unit (RM)	0.7555	0.9223	(18.1)
IK KL	1,095.05	1,427.19	(23.3)

3.4 Jumlah Pulangan Bagi Setengah Tahun Berakhir 15 Ogos 2008

Pertumbuhan Modal/Unit		Pulangan Pendapatan (Bersih)/Unit		Jumlah Pulangan/Unit	
(sen)	(%)	(sen)	(%)	(sen)	(%)
(16.7)	(18.1)	-	-	(16.7)	(18.1)

Pada 15 Ogos 2008, unit di dalam edaran meningkat sebanyak 1.2%. Manakala NAB Tabung pula menunjukkan penurunan nilai sebanyak 17.1%.

NAB seunit merosot sebanyak RM0.1668 dari RM0.9223 kepada RM0.7555 menunjukkan jumlah pulangan Tabung susut sebanyak 18.1% (*sila rujuk muka surat 28 - 29 bagi asas pengiraan*). IK KL yang dijadikan tanda aras prestasi Tabung pula turut mencatat penurunan sebanyak 23.3% untuk jangkamasa yang sama apabila ditutup pada paras 1,095.05 mata.

3.5 Polisi Dan Strategi Pelaburan


Polisi pelaburan Tabung anda ialah untuk melabur di dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan merangkumi ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap.

Sepanjang tempoh setengah tahun berakhir 15 Ogos 2008, Pengurus Tabung mengambil sikap berhati-hati dengan mengekalkan pelaburan di pasaran ekuiti antara 60% - 80% memandangkan pasaran luar negara yang tidak menentu. Namun begitu, untuk mengambil kesempatan terhadap pasaran domestik yang kukuh, Pengurus Tabung juga mensasarkan aktiviti-aktiviti pembelian ke atas saham-saham syarikat yang terpilih, sementara aktiviti-aktiviti penjualan saham lebih menjurus kepada kekuatan pasaran.


3.6 Pengagihan Aset-Aset Tabung

Pengurus Tabung telah mengurangkan jumlah pelaburan di pasaran ekuiti sebanyak 10.7% pada akhir tempoh kajian, menjadikan purata pendedahan pelaburan ekuiti ialah sebanyak 71.1%.

Pengagihan Aset KMB7 Pada 15/08/2008



Pengagihan Aset KMB7 Pada 15/02/2008




3.7 Prestasi Instrumen Pelaburan

Pecahan pulangan mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

Pecahan Pulangan Seunit Mengikut Kelas Aset						
	15 Ogos 2008 (%)	15 Feb 2008 (%)	Naik/ (Turun) (%)	Purata Pendedahan Pulangan Pelaburan (%)	Purata Pulangan (%)	Pecahan Kepada Jumlah Pulangan (%)
Ekuiti	67.1	75.1	(10.7)	71.1	(24.5)	(17.4)
Instrumen pasaran wang, dan lain-lain	32.9	24.9	32.1	28.9	1.1	0.3
Perbelanjaan						(1.0)
Jumlah Pulangan						(18.1)

Untuk jangkamasa setengah tahun berakhir 15 Ogos 2008, Pengurus Tabung telah melabur di pasaran ekuiti sebanyak 67.1%. Pelaburan ekuiti ini telah menghasilkan purata pulangan yang negatif 24.5%, manakala baki sebanyak 32.9% lagi telah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang dan lain-lain bentuk pelaburan dan telah mencatatkan purata pulangan yang positif iaitu sebanyak 1.1% bagi jangkamasa yang sama.

3.8 Suasana Bursa Saham Tempatan



IK KL meningkat pada separuh pertama bulan Februari ekoran pengumuman KDNK bagi suku keempat 2007 yang meningkat kepada 7.3% sebelum kembali merosot pada separuh kedua bulan Februari 2008, di mana sentimen pasaran saham bertukar lemah berpunca daripada pasaran serantau yang tidak menentu dan aktiviti-aktiviti pengambilan untung menjelang pilihanraya umum yang akan diadakan pada awal bulan Mac. Pada masa yang sama, peningkatan harga-harga komoditi utama seperti minyak mentah turut menyumbang kepada kejatuhan IK KL.

Pada bulan Mac 2008, berikutan keputusan Pilihanraya Umum ke-12 (PRU-12) yang di luar jangkaan memperlihatkan Barisan Alternatif (BA) berjaya menghalang Barisan Nasional (BN) daripada memperoleh majoriti 2/3 kerusi di Parlimen, telah menimbulkan kebimbangan di kalangan para pelabur. Keadaan tersebut telah menyebabkan IK KL menjunam pada hari urusan berikutnya sebanyak 10% menyebabkan urusan di Bursa Malaysia dihentikan buat pertama kali.

Pada minggu pertama bulan April 2008, susulan daripada keputusan PRU-12 yang lalu berkemungkinan memberi impak yang kurang memberangsangkan kepada ekonomi secara keseluruhan melalui penilaian semula atau penangguhan beberapa projek infrastruktur di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini mungkin akan memperlambatkan pertumbuhan permintaan dalam negara. Pada masa yang sama, pasaran serantau masih berada dalam kebimbangan kesan daripada turun naik pasaran New York yang terus dipengaruhi oleh krisis pinjaman sub-prima dan jangkaan kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat. Sementara itu, harga komoditi seperti minyak mentah pula turut melonjak naik untuk mencatatkan rekod melebihi USD110 setong pada 9 April 2008. Keadaan ini telah melegakan pasaran dalam tempoh berkenaan.

Walaupun IK KL menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di awal bulan Mei 2008 kesan kenaikan harga komoditi, pasaran saham kembali suram di akhir bulan mencerminkan ketidaktentuan dalam pasaran ekuiti global dan perkembangan politik dalam negeri yang tidak menentu. Pengunduran Dr. Mahathir daripada Umno dan perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa ahli politik di Sabah terhadap pentadbiran Umno terus melemahkan sentimen di pasaran saham.

Manakala, pada bulan Jun 2008, penstrukturan semula sistem subsidi minyak dan gas serta pelaksanaan cukai ke atas keuntungan yang berlebihan (*windfall tax*) ke atas sektor perladangan mengejutkan banyak pihak menyebabkan pasaran saham tempatan mengalami kemerosotan ekoran penjualan saham-saham secara keseluruhan. Pada masa yang sama, cadangan parti komponen BN iaitu SAPP untuk mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri turut memberi impak yang negatif kepada sentimen pasaran.

Pasaran saham terus merundum pada bulan Julai 2008 ekoran ketidaktentuan politik tempatan, pasaran serantau yang lemah dan kejatuhan harga minyak kelapa sawit yang menjejaskan saham-saham perladangan. Pada dasarnya, prestasi pasaran saham semasa dipengaruhi oleh harga-harga komoditi terutamanya harga minyak mentah dan juga harga minyak kelapa sawit di mana harga minyak mentah telah melonjak naik mencatatkan rekod tertinggi ke paras USD145 setong pada pertengahan bulan Julai 2008. Kebanyakan para pelabur mengambil langkah tunggu dan lihat ekoran pasaran yang tidak menentu dan persepsi negatif pelabur terhadap pasaran saham menyebabkan IK KL di tutup rendah pada bulan Julai 2008.

Pasaran saham Malaysia menunjukkan prestasi yang negatif pada separuh pertama Ogos 2008 apabila IK KL terus merosot untuk berada di bawah paras 1,100 mata ekoran kejatuhan yang berterusan dalam harga saham-saham perladangan dan juga sentimen pasaran yang tidak bermaya disebabkan oleh suasana politik tempatan yang tidak menentu.

3.9 Suasana Pasaran Wang

Pada tempoh 1 Julai 2008 hingga 28 Ogos 2008, purata wajaran hatian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank untuk tempoh matang lain juga secara relatif stabil. Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan tidak berubah pada bulan Julai 2008 dan Ogos 2008. Pada 15 Ogos 2008, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 3.08% dan 3.70%. Berikutan inflasi yang lebih tinggi, kadar FD benar menjadi lebih negatif. Bagi kadar pinjaman bank perdagangan, Kadar Pinjaman Asas Purata (BLR) tidak berubah pada 6.72%, manakala Kadar Pinjaman Purata (ALR) lebih rendah kepada 6.02% pada bulan Julai 2008 (Jun 2008: 6.08%).

Sementara itu, kadar inflasi meningkat kepada 8.5% pada bulan Julai 2008 (Jun 2008: 7.7%) akibat inflasi yang lebih tinggi dalam kategori pengangkutan dan juga makanan dan minuman tidak beralkohol.

(Sumber: Perkembangan Monetari dan Kewangan, BNM)

3.10 Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tempoh setengah tahun berakhir 15 Ogos 2008.

3.11 Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit

Di dalam jangkamasa kewangan ini, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang unit selain dari urusanniaga-urusanniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

3.12 Rebet dan Komisen Tidak Langsung

Pengurus atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menerima sebarang rebet atau komisen dari broker/dealer sebagai imbuhan bagi urusanniaga pelaburan. Sekiranya ada, imbuhan ini perlu disalurkan ke dalam akaun Tabung.

Sepanjang jangkamasa kewangan yang berakhir pada 15 Ogos 2008, Pengurus Tabung tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham mahupun analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun hendak disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

4. PERNYATAAN PENGURUS

**Kepada Pemegang-Pemegang Unit
KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH**

Kami sebagai Pengarah-Pengarah kepada ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD selaku Pengurus KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH berpendapat penyata kewangan yang tidak diaudit yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Tabung pada 15 Ogos 2008, pergerakan nilai aset bersih, hasil kendalian aset serta aliran tunai Tabung untuk jangkamasa yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk dan bagi pihak
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD
Selaku Pengurus, Tabung Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketujuh

NIK MOHAMED ZAKI BIN NIK YUSOFF
Pengarah

DATO' KAMARUDDIN BIN MOHAMMED
Pengarah

KUALA LUMPUR
15 September 2008

5. PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH

Kami, AMANAH RAYA BERHAD bertindak selaku Pemegang Amanah kepada KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH bagi tempoh kewangan berakhir 15 Ogos 2008. Pada pendapat kami, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD selaku Pengurus KUMPULAN MODAL BUMIPUTERA YANG KETUJUH telah mengurus tabung berkenaan selaras dengan had-had kuasa pelaburan. Kami juga berpendapat bahawa pihak ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah mengawalselia tabung mengikut Suratikatan, Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan berakhir 15 Ogos 2008.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Prosedur dan proses yang digunakan oleh syarikat pengurusan untuk menilai dan/atau menentukan harga unit tabung tersebut adalah mencukupi dan bahawa penilaian/harga adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- b) Jualan, belian balik, penjadian dan perlucutan unit berkenaan adalah dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan.

Untuk dan bagi pihak
AMANAH RAYA BERHAD

DATO' AHMAD RODZI PAWANTEH
Pengarah Urusan Kumpulan

KUALA LUMPUR
17 September 2008

6. PENYATA KEWANGAN

**LEMBARAN IMBANGAN YANG TIDAK DIAUDIT
PADA 15 OGOS 2008**

	<u>NOTA</u>	<u>15.08.2008</u> RM	<u>15.02.2008</u> RM
PELABURAN	4		
SAHAM TERSIARHARGA		2,450,715	3,314,824
DERIVATIF TERSIARHARGA		5,317	-
SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK	5	978,927	667,493
		<u>3,434,959</u>	<u>3,982,317</u>
LAIN-LAIN ASET			
WANG DI BANK		192,090	548,090
LAIN-LAIN SIBERHUTANG		30,951	57,522
TUNTUTAN CUKAI		47,250	25,143
		<u>270,291</u>	<u>630,755</u>
JUMLAH ASET		3,705,250	4,613,072
LIABILITI			
TERHUTANG KEPADA PENGURUS		153	2,809
TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH		2,295	187
LAIN-LAIN SIPIUTANG		1,790	1,840
PENGAGIHAN		-	167,545
PERUNTUKAN CUKAI		42,301	25,599
JUMLAH LIABILITI		46,539	197,980
NILAI ASET BERSIH	7	3,658,711	4,415,092
KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT			
MODAL UNIT BERSIH	8	5,667,872	5,605,669
RIZAB BELUM DIREALISASI	9	(452,109)	380,835
KERUGIAN TERKUMPUL		(1,557,052)	(1,571,412)
		<u>3,658,711</u>	<u>4,415,092</u>
UNIT DALAM EDARAN	8	4,843,000	4,787,000
NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM)		0.7555	0.9223

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
YANG TIDAK DIAUDIT UNTUK JANGKAMASA
KEWANGAN BERAKHIR 15 OGOS 2008**

	<u>NOTA</u>	ENAM BULAN BERAKHIR <u>15.08.2008</u> RM	ENAM BULAN BERAKHIR <u>15.08.2007</u> RM
PENDAPATAN			
DIVIDEN KASAR		69,762	59,910
FAEDAH		12,785	13,449
KEUNTUNGAN DARI JUALAN PELABURAN		5,739	487,060
		<u>88,286</u>	<u>560,419</u>
PERBELANJAAN			
YURAN PENGURUS	10	29,956	35,231
YURAN PEMEGANG AMANAH	11	1,997	2,349
YURAN AUDIT		600	600
YURAN AGEN CUKAI		320	320
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		6,853	5,197
		<u>39,726</u>	<u>43,697</u>
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		48,560	516,722
CUKAI	12	(16,702)	(14,526)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI		31,858	502,196
PENGIMBANGAN AGIHAN		(17,498)	62,526
		<u>14,360</u>	<u>564,722</u>
BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN		(1,571,412)	(1,921,279)
BAKI KERUGIAN TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN		(1,557,052)	(1,356,557)
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TERHASIL OLEH:			
KEUNTUNGAN DIREALISASI		31,858	502,196
KEUNTUNGAN BELUM DIREALISASI		-	-
		<u>31,858</u>	<u>502,196</u>

**PENYATA PERUBAHAN PADA NILAI ASET BERSIH
YANG TIDAK DIAUDIT UNTUK JANGKAMASA
KEWANGAN BERAKHIR 15 OGOS 2008**

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.08.2007</u>
	RM	RM
Nilai Aset Bersih pada awal jangkamasa	4,415,092	4,687,898
Penjadian unit dalam jangkamasa	85,572	-
	<hr/>	<hr/>
	4,500,664	4,687,898
Perlucutan unit dalam jangkamasa	(23,369)	(247,688)
	<hr/>	<hr/>
	4,477,295	4,440,210
Keuntungan direalisasi dalam jangkamasa	31,858	502,196
Pengimbangan agihan	(17,498)	62,526
	<hr/>	<hr/>
	14,360	564,722
Penurunan nilai pasaran dalam jangkamasa	(832,944)	(489,963)
	<hr/>	<hr/>
Nilai Aset Bersih pada akhir jangkamasa	3,658,711	4,514,969
	<hr/>	<hr/>

**PENYATA ALIRAN TUNAI YANG TIDAK DIAUDIT
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

	<u>15.08.2008</u> RM	<u>15.08.2007</u> RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI		
Perolehan dari penjualan pelaburan	483,977	2,197,777
Pembelian pelaburan	(452,390)	(1,217,498)
Dividen diterima	74,255	42,225
Faedah diterima	12,756	14,171
Penerimaan dividen tidak dituntut	230	-
Yuran pengurusan telah dijelaskan	(30,470)	(35,220)
Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan	(2,031)	(2,348)
Yuran audit telah dijelaskan	(1,200)	(1,200)
Perbelanjaan pentadbiran	(6,854)	(5,197)
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan dan operasi	<u>78,273</u>	<u>992,710</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	61,767	-
Agihan telah dijelaskan	(167,544)	-
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit	(17,062)	(185,161)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(122,839)</u>	<u>(185,161)</u>
(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK	<u>(44,566)</u>	<u>807,549</u>
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AWAL JANGKAMASA	<u>1,215,583</u>	<u>782,850</u>
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AKHIR JANGKAMASA	<u>1,171,017</u>	<u>1,590,399</u>
TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK		
Wang di bank	192,090	334,448
Simpanan wang jangka pendek	978,927	1,255,951
	<u>1,171,017</u>	<u>1,590,399</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA

Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketujuh diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah dilancarkan pada 28 Disember 1972 akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Aktiviti utama Kumpulan Modal Bumiputera Yang Ketujuh ialah urusniaga sekuriti bolehpasar di mana pelaburan dibuat di dalam "Pelaburan Yang Dibenarkan" sebagaimana yang didefinisikan di bawah Klausa 1 di dalam Suratikatan Amanah dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dari semasa ke semasa. Ini termasuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di dalam instrumen pasaran kewangan yang diluluskan.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Amanah Saham Mara Berhad. Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan Tabung-Tabung Unit Amanah dan Dana Korporat.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Operasi Tabung Unit Amanah ini adalah terdedah kepada beberapa risiko yang mana antara lainnya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan, risiko spesifik dan risiko kadar faedah. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman serta sekatan-sekatan pelaburan yang digariskan di dalam Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(a) Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah melalui ketidakpastian dalam harga pasaran yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran pasaran termasuk perubahan ekonomi secara global, peraturan, politik dan kadar faedah. Unit Amanah menguruskan risiko pasaran melalui garispanduan dan polisi pelaburan yang disediakan serta strategi kepelbagaian pengagihan portfolio aset Tabung.

(b) Risiko Kecairan

Unit Amanah menguruskan aliran tunai dengan menempatkan sebahagian tunai dalam simpanan jangka pendek dengan memastikan pulangan yang maksimum dan mengambil peluang ke atas pelaburan dan peluang baru. Risiko kecairan adalah risiko Unit Amanah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan dana bagi memenuhi komitmen kewangan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

(c) Risiko Spesifik

Risiko spesifik adalah risiko yang dialami melalui pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan, citarasa dan permintaan pengguna, tindakan undang-undang dan amalan pengurusan. Risiko ini boleh dikurangkan melalui kepelbagaian dalam pelaburan dan sekatan pelaburan yang digariskan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah.

(d) Risiko Kadar Faedah

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garispanduan dan polisi pelaburan serta semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran. Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah diubahsuai dengan penilaian semula pelaburan dan ianya disediakan menurut Piawaian Perakaunan Malaysia diterimapakai secara amnya dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

(b) Saham dan Derivatif Tersiarharga

Saham dan derivatif tersiarharga adalah dinilai menurut harga penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh penutup jangkamasa kewangan berakhir. Saham tersiarharga yang digantung penyenaiaannya dinilai atas nilai saksama.

(c) Pendapatan Dividen

Kiraan dividen-dividen dari pelaburan ditetapkan mengikut asas akruan sebaik sahaja harga saham syarikat berkenaan dicatat "XD" (tanpa dividen) di Bursa Malaysia.

(d) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah adalah diambilkira berdasarkan asas akruan.

(e) Keuntungan/(Kerugian) dari Penjualan Pelaburan

Kos yang diambilkira bagi menentukan keuntungan/(kerugian) dari penjualan pelaburan adalah berdasarkan kepada kos purata wajaran.

(f) Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi

Keuntungan/(Kerugian) belum direalisasi mewakili keuntungan/(kerugian) akibat daripada penilaian sekuriti yang disebut harga pada nilai pasaran.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

(g) Penjadian dan Perlucutan Unit

Penerimaan dari penjadian unit dan pembayaran atas perlucutan unit adalah berdasarkan nilai pasaran unit yang terdiri dari bahagian modal dan bahagian pendapatan pada tarikh penjadian atau perlucutan berkenaan.

(h) Pengimbangan Agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan perlucutan berdasarkan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan perlucutan unit.

(i) Tunai dan Tunai Sebentuk

Tunai dan tunai sebentar meliputi wang di bank dan simpanan wang jangka pendek dengan bank dan institusi kewangan berlesen.

(j) Instrumen Kewangan

Aset dan Liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan adalah merangkumi tunai di bank, pelaburan sekuriti saham tersiarharga, simpanan di institusi-institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Polisi perakaunan tentang perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan atau kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan atau kerugian dari pelaburan.

4. PELABURAN

Butir-butir adalah seperti berikut:-

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.02.2008</u>
	RM	RM
(a) Saham tersiarharga @ jumlah kos	2,906,308	2,933,989
(Kurangan)/Lebihan nilai pasaran	(455,593)	380,835
Nilai Pasaran	2,450,751	3,314,824
(b) Derivatif tersiarharga @ jumlah kos	1,833	-
Lebihan nilai pasaran	3,484	-
Nilai Pasaran	5,317	-
(c) Simpanan wang jangka pendek	978,927	667,493
Jumlah Pelaburan	<u>3,434,959</u>	<u>3,982,317</u>

Senarai Pelaburan adalah seperti di Jadual A.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

5. SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK

Simpanan wang jangka pendek adalah meliputi simpanan tetap di dalam institusi kewangan berlesen seperti berikut:-

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.02.2008</u>
	RM	RM
(a) Bank Pelaburan	678,927	667,493
(b) Bank Saudagar/Perdagangan	300,000	-
	978,927	667,493

Purata kadar faedah sepanjang jangkamasa kewangan dan purata tempoh akan matang simpanan pada tarikh penutup jangkamasa kewangan adalah seperti berikut:

	<u>Purata Kadar Faedah</u> %	<u>Purata Tempoh Akan Matang</u> Hari
(a) Bank Pelaburan	3.41	13
(b) Bank Saudagar/Perdagangan	3.35	14

6. PENGAGIHAN

Tiada peruntukan pengagihan (interim) disyorkan kepada pemegang-pemegang unit bagi jangkamasa kewangan berakhir 15 Ogos 2008 [Pengagihan tunai bagi tahun kewangan berakhir 15 Februari 2008: 4.04 sen (kasar) (bersih 3.50 sen) seunit].

7. NILAI ASET BERSIH

Nilai Aset Bersih diambilkira setelah menolak jumlah liabiliti Tabung daripada jumlah aset Tabung.

8. MODAL UNIT BERSIH

	<u>15.08.2008</u>		<u>15.02.2008</u>	
	Unit	RM	Unit	RM
Baki dibawa ke hadapan	4,787,000	5,605,669	5,025,900	5,915,815
Penjadian dalam jangkamasa	76,000	85,572	-	-
	4,863,000	5,691,241	5,025,900	5,915,815
Perlucutan dalam jangkamasa	(20,000)	(23,369)	(238,900)	(310,146)
Baki pada tarikh penutup	4,843,000	5,667,872	4,787,000	5,605,669

Saiz maksimum Tabung yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah sebanyak 20,000,000 unit.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

9. RIZAB BELUM DIREALISASI

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.02.2008</u>
	RM	RM
Baki dibawa ke hadapan	380,835	693,362
Penurunan nilai pasaran dalam jangkamasa	(832,944)	(312,527)
Baki pada tarikh penutup	<u>(452,109)</u>	<u>380,835</u>

10. YURAN PENGURUS

Yuran yang dibayar kepada Pengurus, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 1.5% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

11. YURAN PEMEGANG AMANAH

Yuran yang dibayar kepada Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad adalah dikira secara harian berdasarkan 0.1% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

12. CUKAI

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.08.2007</u>
	RM	RM
Peruntukan cukai semasa	<u>(16,702)</u>	<u>(14,526)</u>

Cukai adalah dikenakan pada kadar cukai 26% [2007: 27%] ke atas pendapatan bercukai dividen setelah ditolak perbelanjaan dibenar pada kadar 10%.

Pengiraan peruntukan cukai semasa di mana amaun diselaraskan seperti berikut:-

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.08.2007</u>
	RM	RM
Keuntungan sebelum cukai	<u>48,560</u>	516,722
Cukai Malaysia @ 26% [2007: 27%]	(12,626)	(139,515)
Kesan cukai dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai	5,272	135,671
Kesan cukai dari perbelanjaan yang tidak dibenar	(9,348)	(10,682)
Peruntukan cukai semasa	<u>(16,702)</u>	<u>(14,526)</u>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

13. KEPENTINGAN PENGURUS DAN PENGARAH-PENGARAH

Butir-butir kepentingan Pengurus dan Pengarah-Pengarah Syarikat di dalam Tabung ini adalah seperti berikut:-

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.08.2007</u>
(a) <u>Unit Pegangan</u>		
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD	23,197.17 unit bernilai RM17,525.46	11,109.54 unit bernilai RM10,369.64
Pengarah-Pengarah	Tiada	Tiada
(b) <u>Perbelanjaan</u>		
Yuran Pengurus yang telah dibayar dan terakru	RM29,956	RM35,231

Urusniaga-urusniaga di antara Tabung dan Pengurus serta pihak berkaitan dijalankan berdasarkan transaksi perniagaan yang normal.

14. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:-

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.08.2007</u>
$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} \times 100$	0.99%	0.92%

Nisbah jumlah bayaran yuran dan perbelanjaan Tabung berbanding nilai purata harian Tabung bagi jangkamasa kewangan 6 bulan adalah bertepatan dan munasabah.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:-

	<u>15.08.2008</u>	<u>15.08.2007</u>
$\text{PGP} = \frac{\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} / 2$	0.12 kali	0.29 kali

Nisbah pusingan bagi jumlah purata kos belian dan jualan pelaburan berbanding nilai purata harian Tabung bagi jangkamasa kewangan 6 bulan adalah bertepatan dan munasabah.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR
15 OGOS 2008**

**16. URUSNIAGA DENGAN BROKER/DEALER
(16/02/2008 - 15/08/2008)**

Nama Broker/Dealer	Nilai Transaksi RM	%	Komisen & Fi RM	%
Aseambankers Malaysia Bhd.	366,930	39.26	1,397	39.64
Affin Investment Bank Bhd.	172,847	18.49	659	18.70
OSK Investment Bank Bhd.	161,375	17.26	579	16.43
CIMB Investment Bank Bhd.	92,980	9.95	353	10.02
KAF-Seagroatt & Campbell Sdn. Bhd.	83,912	8.98	320	9.08
BIMB Securities Sdn. Bhd.	56,644	6.06	216	6.13
Jumlah Transaksi	934,688	100.00	3,524	100.00

JADUAL A**SENARAI PELABURAN PADA 15 OGOS 2008**

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	JUMLAH KOS RM	NILAI PASARAN RM	PERATUS
					NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH %
A SAHAM TERSIARHARGA					
PAPAN UTAMA					
BARANGAN INDUSTRI					
1	Java Incorporated Bhd	55,000	187,183	75,900	2.1
2	Shell Refining Co. (F.O.M) Bhd	15,000	154,567	162,000	4.4
3	YTL Cement Bhd	50,000	151,037	172,000	4.7
	Jumlah Kecil		492,787	409,900	11.2
PEMBINAAN					
1	IJM Corporation Bhd	10,000	71,772	53,000	1.4
2	Muhibbah Engineering (M) Bhd	89,600	330,884	178,304	4.9
3	WCT Bhd	36,666	103,366	117,331	3.2
4	YTL Corporation Bhd	20,000	136,401	128,000	3.5
	Jumlah Kecil		642,423	476,635	13.0
DAGANGAN/PERKHIDMATAN					
1	Sime Darby Bhd	15,600	133,268	103,740	2.8
2	Tenaga Nasional Bhd	38,000	407,370	323,000	8.8
3	Telekom Malaysia Bhd	25,000	75,931	87,500	2.4
4	TM International Bhd	20,000	141,569	126,000	3.5
5	Transmile Group Bhd	25,000	103,615	28,000	0.8
	Jumlah Kecil		861,753	668,240	18.3
KEWANGAN					
1	Bumiputra-Commerce Holdings Bhd	25,000	260,202	191,250	5.2
2	Panglobal Bhd	40,000	1	0	0.0
3	RHB Capital Bhd	64,000	322,933	261,120	7.2
	Jumlah Kecil		583,136	452,370	12.4

JADUAL A

SENARAI PELABURAN PADA 15 OGOS 2008

<u>BIL.</u>	<u>NAMA SYARIKAT</u>	<u>JUMLAH SAHAM</u>	<u>JUMLAH KOS</u>	<u>NILAI PASARAN</u>	PERATUS
					<u>ASET BERSIH</u>
			RM	RM	NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH %
A SAHAM TERSIARHARGA					
PAPAN UTAMA					
PERLADANGAN					
1	Hap Seng Plantations Holdings Bhd	35,000	99,332	86,450	2.4
2	Kuala Lumpur Kepong Bhd	22,200	138,769	257,520	7.0
3	TH Plantations Bhd	30,000	88,108	99,600	2.7
	Jumlah Kecil		326,209	443,570	12.1
	Jumlah Saham Tersiarharga		2,906,308	2,450,715	67.0
	Kerugian Belum Direalisasi		(455,593)		
			2,450,715		
B DERIVATIF TERSIARHARGA					
LOAN/DEB/TSR/A'					
1	WCT Bhd - WA	7,333	1,833	5,317	0.1
	Keuntungan Belum Direalisasi		3,484		
			5,317		
C SIMPANAN WANG JANGKA PENDEK					
				978,927	26.8
				3,434,959	93.9
D SAHAM DIGANTUNG DAN/ATAU DINYAHSENARAI DARI BURSA MALAYSIA					
<u>NAMA SYARIKAT</u>	<u>JUMLAH SAHAM</u>	<u>KOS ASAL</u>	<u>NILAI PASARAN</u>		
		RM	RM		
Panglobal Bhd (PN4)	40,000	1	0		

Saham ini merupakan saham tersiarharga yang digantung penyenaaraiannya di mana kos saham telah dinilai kepada RMI dan harga pasaran telah dinilai kepada sifar menurut nilai saksama seperti yang telah disahkan oleh Juruaudit dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah.

7. ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA

◆ **Kandungan Portfolio**

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga penutup pasaran pada setiap 15 Ogos.

◆ **Kaedah Harga Tunggal (SPR)**

Berkuatkuasa 1 Julai 2007, Kaedah Harga Tunggal (SPR) telah digunakan bagi menggantikan kaedah Dwipenetapan Harga (*Dual Pricing*). Melalui kaedah ini, penjualan, pembelian balik, perlucutan dan penjadian unit-unit oleh Pengurus akan dilaksanakan pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penutup hari ususniaga. Yuran kemasukan/pengeluaran (jika ada) akan dikira secara berasingan berdasarkan NAB pelaburan unit-unit anda.

◆ **Nilai Aset Bersih (NAB)**

NAB diambil kira setelah menolak jumlah nilai liabiliti Tabung daripada jumlah nilai aset Tabung pada penutup hari ususniaga. NAB seunit di perolehi dengan membahagikan NAB dengan unit dalam edaran pada tarikh yang sama.

◆ **Harga Jualan Seunit**

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus kepada pemegang unit dengan mengambilkira NAB pada penutup hari ususniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam pusingan pada hari tersebut dan dikenakan caj jualan tidak melebihi 6.5%. Walau bagaimanapun, berkuatkuasa 1 Januari 2008, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menghadkan caj jualan ke atas pelabur-pelabur di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP kepada tidak melebihi 3%.

◆ **Harga Belian Seunit**

Harga belian seunit ialah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus daripada pemegang unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada harga NAB Tabung.

◆ **Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)**

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:

$$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik} \times 100}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari ususniaga}}$$

◆ **Pusing Ganti Portfolio (PGP)**

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:

$$\text{PGP} = \frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}) / 2}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari ususniaga}}$$

◆ **Jumlah Pulangan**

Jumlah pulangan ialah jumlah pulangan pendapatan bersih dan pertumbuhan nilai modal dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{NAB (cD bagi tempoh kewangan semasa)} - 1}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyalarsan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ **Pengagihan Pendapatan (Jika ada)**

Pengagihan pendapatan kasar adalah pengagihan tunai sebelum cukai dalam tahun kewangan, manakala pengagihan pendapatan bersih adalah pengagihan tunai selepas peruntukan cukai.

$$\frac{\text{Pengagihan tunai bersih di dalam tempoh kewangan}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$

(selepas penyalarsan unit-unit pecahan sekiranya ada)

◆ **Pertumbuhan Modal**

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambil perbezaan jumlah pulangan dan jumlah pulangan pendapatan.

◆ **Purata Pulangan Tahunan**

Purata pulangan tahunan ialah jumlah pulangan pendapatan dan pertumbuhan nilai modal dibahagi dengan bilangan tahun selepas penyalarsan Unit-Unit Pecahan (jika ada).

8. MAKLUMAT TAMBAHAN

◆ PEMBAYARAN PENGAGIHAN (JIKA ADA)

Waran-waran pengagihan (jika ada) dihantar kepada anda dalam jangkamasa dua (2) bulan selepas tarikh tutup tahun kewangan. Waran-waran tersebut sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. **Anda dinasihatkan menunaikan waran-waran pengagihan dengan segera. Harap ambil perhatian bahawa waran-waran pengagihan yang tidak ditunaikan selepas enam (6) bulan dari tarikh pengeluarannya akan dilaburkan semula mengikut harga jualan pada penutup hari kelima belas (15) bulan berikutnya atau tarikh lebih awal sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengurus.**

◆ MELABURKAN SEMULA PENGAGIHAN

Bagi pelaburan semula pengagihan, anda boleh memilih samada untuk menerima waran pengagihan, cek atau melabur semula pada harga NAB, tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung. Anda boleh melabur semula dengan membuat pilihan yang sesuai di dalam Borang Permohonan atau memberi arahan kepada Pengurus secara bertulis atau melalui faks. Pengurus akan bertindak berdasarkan arahan yang dibuat secara bertulis sebelum tarikh pengagihan. **Walaupun bagaimanapun, untuk pengagihan yang bernilai kurang dari RM50.00, ianya akan dilaburkan semula secara automatik pada nilai NAB, tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung.**

◆ PERTUKARAN KE LAIN-LAIN TABUNG

Semua pemegang-pemegang unit tabung sedia ada yang diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD diberi kemudahan untuk menukar tabung yang disertai ke lain-lain tabung (kecuali Amanah Saham Pekerja-Pekerja TNB) tanpa dikenakan caj jualan. Unit akan ditebus dan hasil jualan tersebut dibelikan unit bagi tabung unit amanah yang baru berasaskan NAB seunit mengikut harga hadapan ketika permohonan diterima. Tiada had bagi pertukaran antara tabung-tabung kecuali ASM Syariah Money Market Fund (SMMF). Disamping itu tiada bayaran dikenakan bagi transaksi pertama hingga transaksi keempat, namun bayaran minimum fi pentadbiran bagi memproses permohonan ialah RM10.00 untuk transaksi kelima dalam satu-satu tahun kalendar. Tiada fi pentadbiran dikenakan untuk pertukaran tabung yang melibatkan SMMF, sama ada dari SMMF ke lain-lain tabung atau sebaliknya. Namun demikian, pertukaran tabung ini hanya dihadkan sebanyak lima (5) kali sahaja dalam setahun. Pertukaran minimum bagi setiap transaksi hendaklah tidak kurang daripada 100 unit. **Urusan pertukaran tabung ini tidak dibenarkan melalui ejen.**

◆ KEMUDAHAN MENAMBAH MODAL MELALUI BANK (AUTODEBIT)

ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD menyediakan kemudahan pelaburan secara tetap setiap bulan melalui Arahan Bank (Autodebit) menerusi Bank Simpanan Nasional, Malayan Banking Berhad, CIMB Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Pelaburan minimum setiap arahan ialah sebanyak RM50.00 pada tiap-tiap bulan.

◆ MENUKAR MILIK

Unit-unit anda boleh ditukar milik kepada orang lain dengan menggunakan borang tukar milik yang boleh diperolehi di pejabat kami. Pembeli atau penerima milik akan dikenakan bayaran tidak melebihi RM10.00 untuk mendaftar unit-unit tersebut atas namanya.

9. MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN

Pejabat Wilayah:

Sarawak

No. 59, Tingkat Satu, Jalan Tun Jugah
93350 Kuching
Tel: (082) 464402 Faks: (082) 464404
H/P: (013) 8230645 (John Nyaliaw)
E-mel: asmi.srwk3@asmb.com.my
john@asmb.com.my

Sabah

Lot 2-3-19C, Tingkat 2, Plaza Wawasan
Lorong Plaza Wawasan
88000 Kota Kinabalu
Tel: (088) 244129 Faks: (088) 244419
H/P: (013) 8678131 (Yong Yin Kong)
E-mel: asmi.sabah@asmb.com.my
yong@asmb.com.my

Pahang

Lot D103, Tingkat 1
Mahkota Square, Jalan Mahkota
25000 Kuantan
Tel: (09) 5158545 Faks: (09) 5134545
E-mel: asmi.ktn@asmb.com.my

Johor

No. 17-01, Jalan Molek 1/29
Taman Molek
81100 Johor Bahru
Tel: (07) 3522120 Faks: (07) 3512120
H/P: (012) 6845646 (Norsyah Nizam A.Aziz)
E-mel: asmi.jb@asmb.com.my
norsyah@asmb.com.my

Pejabat-Pejabat Agensi:

Alor Setar

Encik Md. Bahrin bin Ibrahim
Tingkat 1, No. 2.6, Plaza Alor Star
Jalan Stesen, Off Jalan Langgar
05000 Alor Setar
Tel/Faks: (04) 7340640
H/P: (012) 5720019 / (012) 5033019
E-mel: mdbahrin@yahoo.com.my

Ipoh

Encik Mohamad Jamil bin Mohd Yusoff
Pusat Inkubator
Tingkat 5, Bangunan Sri Kinta
Jalan Sultan Idris Shah
30000 Ipoh
Tel: (05) 546 0326 H/P: (012) 592 5822

Pejabat-Pejabat Agensi:

Batang Kali

Puan Fauziah bt Che Ismail
No. 43-A, Jalan Meranti 2B, Seksyen 3
Bandar Utama Batang Kali
44300 Batang Kali
Tel: (03) 60574142 Faks: (03) 60572385
H/P: (012) 6120874 (013) 3397876 (019) 2307502
E-mel: *rosly_asm@yahoo.com*

Melaka

YBhg. Datuk Md. Ramly bin Mohamad
No. 253-A, Jalan TMR 3
Taman Melaka Raya
75000 Melaka
Tel: (06) 5834917 Faks: (06) 2815046 H/P: (012) 6093859
E-mel: *dtkmdr@yahoo.com.my*

Johor Bahru

Encik Zulkifli bin Ab. Kadir
4-01, Jalan Susur Larkin Perdana 2
Taman Larkin Perdana
80350 Johor Bahru
Tel: (07) 2352902 Faks: (07) 2369902 H/P: (019) 7361015
E-mel: *zul_jb@tm.net.my*

Bintulu

Puan Jamilah bt Basri @ Sahari
Tingkat 1 Shoplot 3, Lot 3743
Medan Jaya Commercial Centre
Jalan Tun Hussein Onn
97000 Bintulu
H/P: (019) 8542731 Faks: (086) 312821

Perkhidmatan Kutipan Pelaburan:

Bank Simpanan Nasional

Ejen Institusi:

Apex Investment Services Berhad

Perkhidmatan Autodebit:

Malayan Banking Berhad

Bank Simpanan Nasional

CIMB Bank Berhad

Bank Muamalat Malaysia Berhad

10. MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR

Jika ada kemusykilan, sila hubungi talian Perhubungan Pelabur:

❖ **Pertanyaan/Aduan**

- Puan Salmah Mohd Aris - 03 - 41453967
e-mel: salmah@asmb.com.my

❖ **Prospektus/Laporan Pengurus**

- Cik Norazlin Ab Aziz - 03 - 41453921
e-mel: norazlin@asmb.com.my

❖ **Urusan Pendaftaran/Jualan/Belian Balik**

- Puan Siti Nazifah Muhammad Nasir - 03 - 41453968
e-mel: nazifah@asmb.com.my
- Cik Rosnida Othman - 03 - 41453970
e-mel: rosnida@asmb.com.my

❖ **Urusan Pelaburan KWSP/Potongan Gaji**

- Puan Jamiyah Mat Ali - 03 - 41453929
e-mel: jamiyah@asmb.com.my
- Puan Norhayati Yahya - 03 - 41453926
e-mel: norhayati@asmb.com.my

❖ **Urusan Pindahan Pusaka/Hakmilik**

- Encik Md Nadzri Mahmud - 03 - 41453930
e-mel: nadzri@asmb.com.my
- Puan Sharifah Khatijah Syed Harun - 03 - 41453930
e-mel: sharifah@asmb.com.my

❖ **Penyata Pelaburan/Pertukaran Alamat**

- Puan Norzana Isa - 03 - 41453969
e-mel: zana@asmb.com.my

PERINGATAN KEPADA BAKAL PELABUR

Laporan ini bukanlah tawaran untuk menjual unit. Bakal pelabur dikehendaki membaca Prospektus Induk dan/atau Prospektus Induk Tambahan Tabung ini dengan teliti sekiranya ingin melabur. Sekiranya anda merasa ragu, sila berunding dengan penasihat pelaburan anda tentang skim ini. Pencapaian Tabung ini pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.

11. PERTUKARAN ALAMAT

Sebarang pertukaran alamat hendaklah diberitahu dengan segera secara bertulis atau sila penuhkan maklumat di bawah dan hantarkan kepada kami dengan segera.

BORANG PERMOHONAN TUKAR ALAMAT

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan : _____ (Baru)

_____ (Lama)

Tarikh Lahir : _____

Alamat : _____
Terkini

Nama Tabung : _____

No. Peruntukan (P/T) : _____

No. Telefon : _____ (Pejabat)

_____ (Rumah/Bimbit)

Tarikh

Tandatangan